

bersama Aba Martsad al-Ghanawi dan az-Zubair bin al-`Awwaam.<sup>94</sup> Semua kami berkuda. Kata Nabi s.a.w.: “Pergilah kamu sehingga sampai ke Raudah Khakh.<sup>95</sup> Di sana akan ada seorang perempuan musyrikin.<sup>96</sup> Bersamanya ada sepucuk surat daripada Haathib bin Abi Balta`ah kepada orang-orang musyrikin (Mekah).⁹⁷ Kami mendapati perempuan berkenaan sedang mengenderai unta di tempat yang telah disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. Kata kami kepadanya: “Surat!.” Kata perempuan itu: “Tidak ada apa-apa surat pada saya.” Setelah mendudukan untanya, kami memeriksanya tetapi tidak kami temui apa-apa surat. Kata kami: “Rasulullah s.a.w. tentu tidak berdusta. Sama ada engkau keluarkan surat itu atau kami telanjangkanmu!” Bila dia melihat kami betul-betul serius, barulah dia mengeluarkannya daripada tempat mengikat tali pinggangnya.⁹⁸ Lalu kami membawanya kepada Rasulullah s.a.w. Maka berkatalah `Umar: “Wahai Rasulullah! Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu`min. Biarkan saya memenggal lehernya.” Rasulullah s.a.w. pun bertanya (Haathib): “Apakah yang mendorongmu melakukan begitu? Jawab Haathib: “Demi Allah! Bukanlah kerana saya

⁹⁴ Di dalam Kitab al-Jihad Sahih Bukhari tersebut satu lagi nama orang yang diutus Rasulullah s.a.w. untuk misi ini. Beliau ialah Miqdaad bin al-Aswad r.a. Jadi mereka empat orang semuanya.

⁹⁵ Nama satu tempat di antara Mekah dan Madinah. Ia terletak sejauh 12 batu dari Madinah.

⁹⁶ Menurut pendapat yang masyhur, perempuan itu bernama Sarah. Sesetengah `ualma` mengatakan Haathib telah mengupahnya sebanyak satu dinar. Sesetengah yang lain pula mengatakan sebanyak dua belas dinar.

⁹⁷ Antara ketua kafir Quraisy yang ditujukan surat berkenaan ialah Shafwaan bin Umaiyyah, Suhail bin `Amar dan `Ikrimah bin Abi Jahal. Di dalam surat itu Haathib menceritakan tentang pergerakan Nabi s.a.w. dari Madinah ke Mekah bersama sekian ramai para sahabatnya dengan tujuan mena`luk Mekah.

⁹⁸ Di dalam sesetengah riwayat tersebut surat itu disembunyikannya di dalam jalinan rambutnya. Sedangkan di sini tersebut surat itu disembunyikannya di tempat mengikat tali pinggangnya. Mana satu daripadanya yang betul? Dua riwayat berhubung dengan perkara yang sama sekarang kelihatan bertentangan. Maka apakah penyelesaiannya? Para `ualma` mengemukakan empat pandangan untuk menghilangkan pertentangan berkenaan. (1) Mula-mula surat itu disembunyikan di dalam jalinan rambut. Kemudian ia dipindahkan ke tempat mengikat tali pinggang. Atau mungkin juga sebaliknya. (2) Mungkin juga ada dua pucuk surat pada perempuan itu. Satu daripadanya disembunyikan di dalam jalinan rambut. Satu lagi disembunyikan di tempat mengikat tali pinggang. (3) Hujzah dipakai dengan erti tempat tersembunyi secara mutlaq. Sama ada di dalam jalinan rambut atau di tempat mengikat tali pinggang. (4) Rambut perempuan itu sangat panjang. Surat sebenarnya disembunyikan di hujung jalinan rambutnya. Hujung jalinan rambutnya yang berisi surat itu pula disembunyikannya di tempat mengikat tali pinggang. Jadi kedua-dua riwayat benar. Sama ada yang menyebutkan surat itu dikeluarkannya dari jalinan rambut atau yang menyebutkan ia dikeluarkannya dari tempat mengikat tali pinggang.

tidak percaya kepada Allah dan RasulNya. Saya sebenarnya hendak berbudi kepada orang-orang kafir Quraisy, supaya dengan itu adalah sebab untuk Allah melindungi keluarga dan harta benda saya. Sahabat-sahabatmu yang lain semuanya ada sanak saudara di sana. Keluarga dan harta benda mereka terpelihara kerananya. Rasulullah s.a.w. lantas bersabda: "Dia bercakap benar. (Oleh itu) Janganlah berkata sesuatu yang tidak baik terhadapnya. 'Umar terus berkata: "Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu'min. Biarkan saya memenggal lehernya." Ketika itu bersabdalah Rasulullah s.a.w.: "Bukankah dia salah seorang Ahli Badar (sahabat yang ikut serta dalam peperangan Badar)?" Seterusnya Baginda s.a.w. bersabda: "Tentulah Allah telah mengetahui hati perut Ahli Badar sehingga Ia berfirman (di dalam Hadits Qudsi), lakukan apa saja yang kamu kehendaki, syurga tetap menjadi milikmu. Atau (syak perawi) Allah berfirman (di dalam Hadits Qudsi), sesungguhnya Aku telah mengampunimu." Mendengar sabda Nabi s.a.w. itu, mengalirlah air mata 'Umar seraya beliau berkata: "Allah dan RasulNya jualah yang lebih mengetahui."⁹⁹

⁹⁹ Hadits ini mengandungi kisah Haathib bin Abi Balta'ah yang menghantar surat kepada penduduk Mekah, di mana beliau mendedahkan rahsia Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang berangkat dari Madinah menuju ke Mekah untuk mena'lik Mekah. Sebenarnya pada tahun keenam Hijrah telah termeterai satu perjanjian damai di Hudaibiah di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang musyrikin Mekah untuk sepuluh tahun. Akan tetapi perjanjian damai itu tidak dapat bertahan lama. Dua tahun saja selepas termeterainya perjanjian damai tersebut orang-orang musyrikin telah melanggar dan mencerobohnya. Orang-orang kafir Mekah bagaimanapun berusaha memperbaharui perjanjian damai yang telah dicerobohi mereka, namun usaha mereka tidak berjaya. Rasulullah s.a.w. pula secara diam-diam menyiapkan bala tentera untuk menyerang Mekah. Tiba-tiba Haathib bin Abi Balta'ah membocorkan rahsia itu kepada orang-orang Mekah menerusi surat yang dikirimnya kepada mereka. Kandungan surat itu antara lainnya adalah seperti berikut: "Rasulullah s.a.w. akan datang kepada kamu dengan bala tentera yang sangat ramai. Ia akan membangkitkan debu sehingga siang akan menjadi seperti malam. Kalau Baginda s.a.w. datang menyerang kamu seorang diri pun, Allah akan menolongnya dan akan memberikan kejayaan kepadanya. Bersiap sialah kamu. Was Salam. Surat ini sekilas pandang semacam memberi ancaman kepada pihak kuffaar Mekah. Ia mungkin menimbulkan rasa gerun dan takut di dalam hati mereka. Bagaimanapun jika dilihat dari sudut yang lain, perbuatan membocorkan rahsia seperti itu boleh mengancam nyawa Rasulullah s.a.w. sendiri dan para sahabat Baginda. Seorang yang membocorkan rahsia negara, terutamanya rahsia ketenteraan sesebuah negara kepada pihak musuh, memang dianggap sebagai pengkhianat dan penderhaka negara di sisi politik dan undang-undang mana-mana negara sekalipun. Orang yang melakukan demikian boleh dikenakan hukuman mati kerana telah mendedahkan umat kepada kemusnahan dan kehancuran. Oleh kerana apa yang dilakukan oleh Haathib adalah satu jenayah berat terhadap negara, Allah

memberitahu kepada NabiNya menerusi wahyu dan surat itu tidak sampai ke tangan pihak musuh. Kenapakah Haathib dima'afkan oleh Rasulullah s.a.w, padahal beliau telah melakukan satu kesalahan besar yang boleh dikenakan hukuman mati menurut undang-undang? Jawabnya, setelah diselidik, ternyata Haathib bercakap benar. Rasulullah s.a.w. sendiri telah membenarkan penjelasan yang diberikan oleh Haathib. Baginda s.a.w. bahkan menyatakan asas yang paling kuat untuk Haathib dima'afkan. Asasnya ialah beliau adalah seorang sahabat ahli Badar (seorang sahabat yang telah ikut serta dalam perang Badar). Peristiwa ini jelas menunjukkan betapa istimewanya ahli Badar sehingga Allah s.w.t. mengisytiharkan melalui firmanNya dalam sebuah hadits qudsi bahawa: اَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ فَقَدْ وَجَبَتْ لَكُمْ الْجَنَّةُ أَوْ فَقَدْ غُفِرَتْ لَكُمْ. Bermaksud: Lakukan apa saja yang kamu kehendaki, syurga tetap menjadi milikmu. Atau (syak perawi) Allah berfirman, sesungguhnya Aku telah mengampunimu." Bagi penulis, antara sebab kenapa Haathib berani mendedahkan rahsia Baginda s.a.w. itu kepada pihak musuh ialah kerana beliau sedar dan yakin keberangkatan Rasulullah s.a.w. pada kali itu pasti akan membuahkan kejayaan dan kemenangan tanpa sebarang pertumpahan darah. Pena'lukan Mekah akan berlaku dalam suasana aman damai, walaupun beliau mendedahkan rahsia berkenaan. Semuanya dilakukan Haathib atas keyakinannya yang terlalu tinggi kepada beberapa ayat Allah di dalam Surah al-Fath. Perhatikanlah ayat-ayatnya bermula dari ayat 18 hingga ayat 28. **Satu kemusykilan timbul di sini**, iaitu setelah Rasulullah s.a.w. membenarkan Haathib dan berkata: لَا تَقُولُوا لَهُ إِلَّا خَيْرًا (Janganlah kamu berkata sesuatu yang tidak baik terhadapnya), kenapa Saiyyidina 'Umar masih lagi berkata: "Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu'min. Biarkan saya memenggal lehernya?" Bukankah dengan berkata begitu sekali lagi seolah-olahnya Saiyyidina 'Umar menyangkal dan menyalahi perintah Nabi s.a.w.? Beberapa jawapan telah diberikan. Antaranya: (1) Saiyyidina 'Umar adalah seorang yang sangat keras terhadap kekufuran dan kemunafiqan. Beliau berpendapat, Haathib hanya mengaku Islam pada zahir sahaja, padahal hatinya cenderung dan kasih kepada orang-orang kafir. Itulah sebabnya dia menulis surat kepada mereka dengan membocorkan rahsia Rasulullah s.a.w. Keadaan inilah yang mendorong Saiyyidina 'Umar berkata, Haathib sebenarnya seorang pengkhianat dan munafiq. Demikian jawapan al-Qasthallaani. (2) Oleh kerana Saiyyidina 'Umar seorang yang sangat keras terhadap kekufuran dan kemunafiqan, terucaplah daripada mulut beliau apa yang telah diucapnya tanpa sedar. Beliau dalam hal ini seperti seorang yang tidak terkawal kesedarannya (مغلوب الحال). Seolah-olahnya apa yang dikata oleh Rasulullah s.a.w. itu tidak didengarinya. Ini adalah pendapat Syeikh Abu al-Hasan as-Sindi. (3) Syeikh Abu al-Hasan as-Sindi juga mengemukakan satu lagi jawapan untuk merungkai kemusykilan ini. Menurut beliau, Saiyyidina 'Umar sebenarnya menganggap Nabi s.a.w. berlembut dan bersikap memujuk dalam soal ini. Sedangkan bagi beliau, Haathib tidak layak dilayan sebegitu. Bahkan Haathib sepatutnya dihukum atau sekurang-kurangnya diambil tindakan disiplin terhadapnya. Kerana itulah beliau berkata: "Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu'min. Biarkan saya memenggal lehernya?" (4) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi berpendapat, apa yang dikatakan oleh 'Umar itu sebenarnya tidak bercanggah pun dengan sabda Rasulullah s.a.w. Sebabnya, yang dinafikan oleh Rasulullah s.a.w. dari Haathib ialah kufur dan nifaq. Itu tidak bererti Baginda s.a.w. menafikan juga segala bentuk kecurangan dan pengkhianatan yang lain. Apakah membocorkan rahsia ketenteraan Rasulullah s.a.w. langsung tidak ada kesalahannya? Itulah maksud Saiyyidina 'Umar dengan katanya: "Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu'min." Rasulullah s.a.w. tidak menegur

`Umar kerana kata-katanya ini. Begitu juga dengan kata beliau: “Sesungguhnya dia (Haathib) adalah seorang munafiq.” Maksud Saiyyidina `Umar dengan katanya munafiq itu ialah nifaq amali bukan nifaq i`tiqaadi. Kalau begitu tidak ada pun pertentangan di antara kata-kata Saiyyidina `Umar dengan larangan Baginda s.a.w. itu. Soal kenapa Saiyyidina `Umar meminta izin daripada Rasulullah s.a.w. untuk membunuh Haathib dengan memenggal lehernya pula tidak semestinya kerana kekufurannya. Hukum bunuh boleh juga dikenakan sebagai ta`zir kerana sesuatu jenayah berat seperti yang dilakukan oleh Haathib itu. **Kenapakah pula Allah berfirman** di dalam hadits Qudsi tentang ahli Badar sebegitu rupa: “Lakukan apa saja yang kamu kehendaki, syurga tetap menjadi milikmu. Atau (syak perawi) Allah berfirman, sesungguhnya Aku telah mengampunimu.” Apakah maksud firman Allah ini? Adakah ia bererti ahli Badar telah dikecualikan daripada bebanan dan ikatan syari`at? Jika dilihat kepada amalan mereka, jelas sekali menunjukkan mereka juga tetap terikat dengan syari`at seperti orang-orang lain. Jadi apakah maksudnya? Beberapa jawapan telah diberikan. Antara lainnya ialah: (1) Perisytiharan pengampunan melalui hadits Qudsi ini hanya melibatkan dosa-dosa yang lepas. Ia tidak melibatkan dosa-dosa yang akan datang. Hakikat ini dapat difahami daripada firman Allah: “Sesungguhnya Aku telah mengampunimu.” غَفَرْتُ لَكُمْ telah digunakan sighah madhi untuknya. Ini jawapan yang diberikan oleh Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain pensyarah hadits. Tetapi jawapan ini tidak disenangi banyak pihak disebabkan ada penggunaan sighah amar di dalamnya. Perkataan اَعْمَلُوا dengan jelas menunjukkan pengampunan yang tersebut di dalam hadits ini melibatkan masa hadapan, bukan masa lepas. Adapun penggunaan sighah madhi pada غَفَرْتُ, ia tidak lebih daripada untuk menyatakan kepastian adanya pengampunan Allah untuk kesalahan-kesalahan yang mungkin dilakukan mereka pada masa-masa akan datang. (2) Khithaab Allah di dalam hadits qudsi ini adalah untuk memuliakan dan menghormati ahli Badar. Ia bukan untuk mengecualikan mereka daripada ikatan syari`at. Mereka seperti orang-orang lain juga tetap terikat dengan syari`at. Sebagai memuliakan mereka Allah mengampunkan dosa-dosa mereka yang lalu. Untuk dosa-dosa yang mungkin dilakukan mereka pada masa akan datang pula, Allah memberikan kekuatan dan taufiq kepada mereka untuk segera bertaubat dan beristighfar kepadaNya. Lalu Allah menerima taubat mereka. Dengan itu tepatlah untuk ahli Badar apa yang diifirmankan Allah di dalam hadits qudsi ini. (3) Ada juga yang berpendapat, apa yang difirmankan oleh Allah di dalam hadits qudsi ini merupakan jaminan Allah dan berita gembira daripadaNya tentang keterpeliharaan ahli Badar daripada melakukan dosa-dosa. Namun pendapat ini tidak benar sama sekali, kerana para ahli Badar tetap tidak ma`shum dan mereka terbukti terus terdedah kepada dosa-dosa seperti orang-orang lain juga. (4) Syah Waliyyullah berpendapat, apa yang tersebut di dalam hadits ini ialah tentang kelebihan dan keistimewaan ahli Badar. Hadits ini tidak bermaksud mengecualikan mereka daripada segala amalan fardhu dan wajib. Ia hanya sekadar menyatakan jika ahli Badar itu tidak mengambil berat sangat tentang amalan-amalan sunat atau amalan-amalan yang besar fadhilatnya sekalipun, mereka tetap mendapat pahala amalan-amalan sunat atau amalan-amalan yang besar fadhilatnya itu. (5) Penulis berpendapat, hadits ini bermaksud menyatakan kelebihan dan keutamaan ahli Badar. Peribadi dan kefahaman mereka tentang Islam begitu mantap. Andaikata mereka diberi kebebasan untuk melakukan apa saja yang dikehendaki sekalipun, mereka tetap akan menjaga batas-batas syari`at. Mereka bahkan lebih berasa malu apabila diberikan kebebasan mutlaq untuk berbuat apa saja. Hakikat ini dapat anda saksikan dengan jelas dalam riwayat hidup mereka. Perlu sekali diingat bahawa kelebihan dan